

Belajar dari kesilapan ICERD - Perdana Menteri

Oleh OMAR ZIN
omar.zin@mediamulia.com.my

SUNGAI BULOH: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua pihak termasuk badan hak asasi manusia, Suaram mempelajari daripada kesilapan kerajaan terdahulu yang cuba meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak mahu mengulangi kesilapan tersebut dengan melakukan pembaharuan drastik terhadap undang-undang sedia ada serta reformasi institusi dalam keadaan terburu-buru tanpa mengambil kira pandangan semua pihak.

“Kita telah melihat kesilapan ICERD, nak ketengahkan agenda tapi anggap semua orang faham dan tidak menjelaskan kepada orang Melayu yang berpusat di kawasan luar bandar, penting mereka menyedari bahawa ini adalah kerajaan yang mesti mewakili semua rakyat.

“Kita komited dengan isu hak asasi manusia, kita melakukan reformasi institusi, setiap undang-undang kita li-



ANWAR Ibrahim bersalam dengan para jemaah ketika solat Jumaat di Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, Selangor semalam. - UTUSAN/SADIQ ASYRAF

hat, tetapi perlu beri masa, untuk mengadili dengan cara ini, saya rasa tidak bijak,” katanya selepas menunaikan solat Ju-

maat di Masjid Jamiul Ehsan di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Suaram yang menyifatkan An-

war perlu melakukan pembaharuan segera atau berisiko untuk digelar Perdana Menteri paling teruk dalam sejarah.